

30/09/1998

Anwar terus ditahan ISA

msir

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) meskipun bekas Timbalan Perdana Menteri itu sudah didakwa di mahkamah hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Anwar ditahan mengikut ISA kerana dikhuatiri akan menghasut rakyat sehingga mencetuskan rusuhan, seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

"Kalau dia dibenarkan keluar, dia akan terus menghasut... kita dah nasihat tapi dia buat juga.

"Orang ini, dia nak cuba apa kerajaan boleh buat terhadap dia. Dia nak jadi orang yang berani sehingga kena tangkap pun tak apa, kalau dia keluar dan dilepaskan, dia akan pergi ke sana-sini untuk menghasut orang ramai.

"Apa yang dia boleh buat untuk tutup kesalahannya, dia akan buat," katanya ketika menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) pada sidang khas Dewan Rakyat hari ini sama ada Anwar akan terus ditahan mengikut ISA selepas didakwa di mahkamah hari ini atas tuduhan rasuah dan melakukan persetubuhan di luar tabii.

Sidang khas Parlimen itu diadakan bagi membahaskan lima rang undang-undang berhubung industri sekuriti, niaga hadapan dan syarikat, tetapi beberapa Ahli Parlimen daripada parti pembangkang mengambil kesempatan membangkitkan pelbagai perkara berkaitan isu penahanan Anwar.

Lim yang diberi peluang membahaskan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 yang dibentangkan Dr Mahathir sebelum itu, turut menuduh kerajaan tidak berlaku adil terhadap Anwar.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata penahanan Anwar mengikut ISA berbeza dengan pendakwaan beliau di mahkamah kerana ISA terpaksa digunakan bagi menghalang Anwar terus menghasut orang ramai melakukan rusuhan.

Menurutnya, kerajaan tidak berniat menahan Anwar mengikut ISA, tetapi bekas Timbalan Perdana Menteri itu sejak awal lagi mengeluarkan kenyataan bahawa beliau akan didakwa mengikut akta berkenaan.

"Anwar tahu akan ada tuduhan kerana dia buat salah, jadi bila ada tuduhan dia akan kata... saya dah kata dah. Ini 'pre-empting', strategi yang cekap digunakan Anwar," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yang pada mulanya tidak percaya Anwar yang dianggap kawannya sendiri, terbabit dalam perbuatan salah laku seksual, akhirnya terpaksa menerima hakikat itu.

Dr Mahathir juga berkata, antara sebab Anwar tidak dihadapkan di mahkamah lebih awal kerana ada ugutan rusuhan akan diadakan secara besar-besaran di seluruh negara.

"Harapan Anwar ialah supaya saya berundur dan dia dilepaskan tanpa perbicaraan," katanya.

Menurutnya, beliau menyerahkan kepada mahkamah menentukan sama ada beliau, Anwar atau pendakwaraya bercakap bohong dan meminta semua pihak tidak mengganggu proses keadilan itu.

Beliau berkata, tindakan parti pembangkang seperti DAP dan pihak lain yang enggan membenarkan Anwar dibicarakan di mahkamah dalam keadaan tenang, amat dikesali dan tidak sepatutnya berlaku rusuhan.

"Ini ada yang menjerit nama Allah di luar mahkamah yang tak patut dijerit untuk mempertahankan orang yang berdosa besar," katanya.

Menurutnya, tindakan penyokong Anwar menggunakan masjid dan melaung-laungkan kalimat suci sebagai tanda menyokongnya tidak sepatutnya berlaku

kerana masjid adalah tempat beribadat dan bukan untuk kegiatan politik sehingga mengganggu orang lain yang hendak berbuat ibadat.

Dr Mahathir juga menafikan dakwaan Lim kononnya beliau mendahului mahkamah apabila bertindak memecat Anwar.

"Keputusan saya adalah keputusan saya. Ia tidak ada kuasa undang-undang. Dan saya tak boleh masuk dia dalam penjara.

"Dia salah dan tak layak jadi Perdana Menteri dan saya hukum dia berhenti dari Timbalan Perdana Menteri. Ini juga dilakukan pada orang lain.

"Dalam Umno, kalau ada yang salah kita singkir dan tak menunggu mahkamah. Orang yang didapati tak salahpun oleh mahkamah tetapi kalau dalam anggapan kita dia memburukkan imej parti, kita suruh dia berhenti," katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, pemecatan menteri adalah perkara biasa di banyak negara, tetapi tidak berlaku sebarang kekacauan.

Mengenai desakan Lim supaya Dr Mahathir mengemukakan bukti Anwar meminta penyokongnya merusuh, Perdana Menteri berkata, Anwar tidak meminta penyokongnya merusuh secara nyata melalui perkataan.

"Sebaliknya ia dilakukan secara bijak melalui kemahiran berpidato dan ucapan yang membakar (semangat) orang ramai.

"Sebagai seorang peminat yang terkenal dan bekas ketua pergerakan pelajar, beliau tahu apa yang diucapkannya boleh membakar semangat penyokong," katanya.

Berikutan ucapan Anwar, kata Dr Mahathir, pengikutnya merusuh sehingga mengugut mahu membakar Seri Perdana - kediaman rasmi Perdana Menteri.

(END)